



**KETUA SETIAUSAHA**  
(Secretary General)

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**

(Ministry of Local Government Development)

No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03 - 8891 5003  
Faks : +(6)03 - 8891 5558

KPKT.100-1/7/1 JLD2(6)

22 Disember 2022

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN  
SURAT ARAHAN KETUA SETIAUSAHA BILANGAN 2 TAHUN 2022**

**ARAHAN KEPADA PENGGUNA  
YANG DIBEKALKAN ATAU DIPINJAMKAN KOMPUTER RIBA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**

**TUJUAN**

1. Surat Arahan ini bertujuan untuk memberikan panduan tatacara memperlakukan komputer riba serta tanggungjawab dan peranan setiap pengguna apabila menggunakan komputer riba selaras dengan Dasar Keselamatan Siber (DKS) Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang sedang berkuat kuasa.

**LATAR BELAKANG**

2. Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) KPKT bertanggungjawab dalam perancangan dan pengurusan perolehan ICT bagi menyokong keperluan penawaran perkhidmatan digital di Kementerian.

3. Surat Arahan ini menggariskan panduan serta tanggungjawab dalam penggunaan, penyimpanan dan tindakan apabila berlaku kerosakan dan/atau kehilangan komputer riba yang dibekalkan atau dipinjamkan Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) KPKT kepada **pegawai awam/ warga Bahagian/ Unit/ Tribunal/ Jabatan KPKT atas tujuan rasmi**.

## **PEMAKAIAN**

**4. Arahan Kepada Pengguna Yang Dibekalkan Atau Dipinjamkan Komputer Riba Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan** ini terpakai kepada semua pengguna Bahagian/ Unit/ Tribunal/ Jabatan KP KT yang menggunakan komputer riba yang dibekalkan atau dipinjamkan oleh BTM KP KT melalui **perolehan secara sewaan** daripada syarikat yang dianugerahkan.

### **ARAHAN KEPADA PENGGUNA YANG DIBEKALKAN ATAU DIPINJAMKAN KOMPUTER RIBA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN**

- 5. Setiap pengguna Bahagian/ Unit/ Tribunal/ Jabatan KP KT adalah dikehendaki membaca, memahami dan akur akan arahan/ peruntukan yang terkandung dalam arahan ini.**
- 6. Dokumen Arahan Kepada Pengguna Yang Dibekalkan Atau Dipinjamkan Komputer Riba Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan ini dihebahkan melalui Laman Web KP KT.**

## **TARIKH KUAT KUASA**

- 7. Arahan ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.**

Sekian.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK M NOOR AZMAN BIN TAIB)**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan